



KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA
NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA

馬 來 西 亞 半 島 新 聞 從 業 員 職 工 會

12 MAC 2025

KEPADA SEMUA PENGARANG BERITA

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

11 Mac 2025 - Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) hari ini menyerahkan sumbangan kepada keluarga Muhammad Basir Abu Bakar, bekas wartawan Utusan Melayu (M) Berhad yang meninggal dunia akibat komplikasi jantung, baru-baru ini.

Sumbangan berjumlah RM7,030 itu adalah hasil kutipan dana yang dilakukan NUJM daripada kalangan pengamal media tempatan, kesatuan media tempatan daripada The Star Group, NSTP Bhd, Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Daily.

Turut menyumbang ialah usahawan 9Kopitiam, Dato' Khon Sze Hooi. Sumbangan itu diterima oleh tiga anak arwah Muhammad Basir, Nor Iman Izara, Nor Iman Damia dan Mohammad Danieal Iman.

Presiden NUJM, Low Boon Tat berkata, NUJM mengambil kesempatan ini untuk menyatakan rasa simpati kepada ahli keluarga arwah Muhammad Basir yang mana sebelum ini arwah dan arwah isterinya, Nor Azlina Jaafar adalah juga rakan seperjuangan dalam NUJM yang berkhidmat untuk sahabat media

"Kami dari NUJM mengadakan kutipan dana dengan serta-merta dan berjaya mengutip dana sebanyak RM7,030.

"Terima kasih kepada rakan sekerja The Star, NSTP, Nanyang, Sin Chew, orang perseorangan dan Dato' Khon Sze Hooi dari 9 Kopitiam, yang menyumbang sebahagian besar sumbangan itu," katanya.

Dalam perkembangan itu, NUJM turut mengadakan memorandum persefahaman (MoU) antara NUJM dan 9Kopitiam bagi memberi penghargaan kepada ahli-ahli NUJM.

Ia membolehkan ahli NUJM menikmati potongan sebanyak 10 peratus sekiranya menjamu selera di 9Kopitiam.

Ahli-ahli NUJM hanya perlu menunjukkan Kad NUJM-IFJ untuk menikmati potongan 10 peratus itu.

Dato' Khon Sze Hooi berkata, beliau berbesar hati untuk memberi sokongan kepada pengamal media negara yang banyak bertungkus-lumus membantu masyarakat sejak sekian lama.

"Ini adalah sebahagian kecil usaha saya kepada pengamal-pengamal media negara yang kita tahu sentiasa memberi sesuatu yang positif kepada masyarakat.



“Kita harus memberi sokongan padu kepada pengamal media tempatan dengan menyediakan ruang dan sumber untuk mereka menghasilkan laporan yang bebas, tepat, dan berkualiti,” katanya.

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa NUJ,



TEH ATHIRA MOHD YUSOF
Setiausaha Agung NUJ

